

**GP**  
024/2020

# **GARIS PANDUAN LANDSKAP KAWASAN TANAH PERKUBURAN**



Disediakan Oleh :

**BAHAGIAN LANDSKAP  
JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH NEGERI SABAH  
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN & PERUMAHAN SABAH**

© Hakcipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang atau mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk samada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain tanpa kebenaran daripada penerbit.

Disediakan oleh;

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah,  
Tingkat 3,4 dan 5, Wisma Tun Fuad Stephens,  
KM.2.4, Jalan Tuaran,  
88646 Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia.



## KATA-KATA ALUAN

**Pengarah Jabatan Perancang Bandar  
Dan Wilayah Negeri Sabah  
(BERNADETTE C. EDMUND)**

**Salam Sejahtera,**

Penyediaan kemudahan lanskap bagi Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam merupakan seni pengindahan yang perlu diambil kira untuk mewujudkan suatu imej yang teratur dan suasana tenteram.

Garis panduan ini meliputi komponen-komponen lanskap yang perlu ada dan kesesuaian perletakkan di dalam merancang sebuah tanah perkuburan . Penyediaan Garis Panduan Lanskap Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam diterbitkan sebagai rujukan kepada pihak yang terlibat dalam merancang reka bentuk lanskap di kawasan tanah perkuburan agar pemandangan persekitarannya lebih menarik.

Garis panduan ini merangkumi aspek perancangan yang boleh digunakan dalam mencorak perancangan reka bentuk lanskap ke arah persekitaran yang berkualiti dan ekslusif untuk menyokong kualiti hidup masyarakat yang lebih baik sejajar dengan matlamat Pelan Struktur Sabah 2033.

Sekian.

**ISI KANDUNGAN**

<b>1.0</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>5</b>
1.1	Tujuan	
1.2	Definisi	
1.3	Jenis Kawasan Tanah Perkuburan	
<b>2.0</b>	<b>PRINSIP PERANCANGAN</b>	<b>6</b>
<b>3.0</b>	<b>PERANCANGAN REKA BENTUK</b>	<b>6</b>
3.1	Perancangan Ruang	
3.2	Penyediaan Komponen Landskap Lembut	
3.3	Penyediaan Komponen Landskap Kejur	
3.4	Kategori Kawasan Kubur	
<b>GLOSARI</b>		<b>19</b>
<b>RUJUKAN</b>		<b>20</b>
<b>PENGHARGAAN</b>		<b>21</b>

## 1.0 Pengenalan

### 1.1 Tujuan

Garis Panduan Lanskap Kawasan Tanah Perkuburan ini disediakan sebagai satu rujukan kepada pihak yang terlibat dalam membentuk sebuah imej lanskap yang indah dan teratur demi mencapai wawasan untuk menyediakan kualiti hidup yang baik kepada masyarakat dan pengurusan persekitaran yang lestari yang berteraskan konsep kehijauan dan bertaraf dunia seperti yang dinyatakan dalam Pelan Struktur Sabah 2033 .

Garis panduan ini meliputi 3 bahagian utama bagi memenuhi keperluan-keperluan dalam penyediaan lanskap kawasan perkuburan iaitu:

**BAHAGIAN 1.0 : PENGENALAN**

**BAHAGIAN 2.0 : PRINSIP PERANCANGAN**

**BAHAGIAN 3.0 : PERANCANGAN REKA BENTUK**

### 1.2 Definisi

- 1.2.1 Tanah perkuburan ditafsirkan sebagai kawasan mengembumikan orang-orang yang telah meninggal dunia di dalam tanah; selain itu, terdapat alternatif tempat pengembumian lain seperti *Columbarium*, *Krematorium*,
- 1.2.2 *Columbarium* merupakan sebuah kawasan khas yang berstruktur secara *compartment* sama ada di dalam atau di luar bangunan bagi menyimpan bekas abu mayat; *Krematorium* merupakan sebuah bangunan persendirian yang didirikan untuk penyimpanan bekas abu mayat yang turut dilengkapi kemudahan seperti membakar mayat;
- 1.2.3 Setiap perancangan reka bentuk lanskap kawasan tanah perkuburan dan tempat alternatif pengembumian lain perlu mengambil kira kesesuaian kawasan persekitaran dan keselesaan pengunjung.

### 1.3 Jenis kawasan tanah perkuburan

- 1.3.1 Garis panduan ini menetapkan jenis kategori seperti berikut :

- a) Jenis-jenis kawasan tanah perkuburan
  - i. Tanah Perkuburan
    - Tanah Perkuburan Islam
    - Tanah Perkuburan Bukan Islam

ii. *Columbarium dan Krematorium*

## 2.0 Prinsip Perancangan

2.1.1 Prinsip perancangan bagi penyediaan garis panduan lanskap di kawasan perkuburan adalah seperti berikut :

- a) Reka bentuk dan beridentiti :
  - Pengolahan ruang melalui aplikasi reka bentuk lanskap dengan memberi penekanan khusus kepada persekitaran yang beridentiti, berfungsi dan susun atur yang sistematik serta teratur.
- b) Kemudahsampaian:
  - Mengintegrasikan sistem rangkaian kemudahan seperti pejalan kaki menghubungkan ke seluruh kawasan serta pemilihan elemen lanskap menitikberatkan reka bentuk sejagat.
- c) Kehijauan dan estetika :
  - Meningkatkan nilai estetika kepada pemandangan kawasan melalui penggunaan elemen lanskap lembut dan kejur.
  - Penyediaan persekitaran lanskap yang kondusif dan perancangan program penghijauan mampu meningkatkan kemampuan terhadap perubahan iklim.

## 3.0 Perancangan Reka Bentuk

### 3.1 Perancangan Ruang

#### 3.1.1 Fasiliti dan Kemudahan Awam

- a) Keperluan fasiliti asas seperti ruang pejabat,tandas, ruang ibadah, pondok rehat atau ruang menunggu, tempat penyimpanan stor dan tempat letak kereta bagi kegunaan pengunjung-
- b) Lokasi dan susun atur bagi penyediaan fasiliti dan kemudahan awam perlu bersesuaian serta mudah diakses oleh semua golongan pengguna termasuk orang kurang upaya (OKU).

#### 3.1.2 Aksesibiliti

##### a) Laluan pintu Masuk utama

- Menerapkan idea reka bentuk yang unik dan harmoni dengan persekitaran berdasarkan kesesuaian konsep kawasan perkuburan.

- Menyediakan ruang untuk lanskap lembut dan kejur di kawasan laluan masuk utama dan bahu jalan bagi mewujudkan kesan "sense of place"
- Disyorkan penanaman dari jenis tanaman berbunga, berbau harum, di pintu masuk utama dan satu jenis pokok utama teduhan di sepanjang jalan utama bagi mendapatkan kesan keseragaman.

**b) Laluan Pejalan Kaki**

- mengaplikasikan konsep *walkability and connectivity* serta mengambilkira reka bentuk sejagat.

### 3.2 Penyediaan Komponen Lanskap Lembut

<b>Reka bentuk dan Kriteria Tanaman</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pemilihan pokok teduhan dari jenis natif tempatan adalah digalakkan.</li> <li>b) Penyediaan reka bentuk lanskap yang mengekalkan ciri-ciri persekitaran kondusif bagi tujuan penghijauan dan kemampunan</li> <li>c) Pemilihan pokok yang bersesuaian mengikut susun atur ruang seperti           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan pokok teduhan sebagai pokok utama hendaklah diberi keutamaan untuk memberikan kesan teduhan yang maksima dan penanaman palma hanya digalakkan di ruang tanaman yang terhad.</li> <li>• Kombinasi pemilihan jenis tanaman pokok teduhan dan pokok renik yang beraneka warna dan bentuk mempunyai potensi dalam mempengaruhi suasana persekitaran dalam aspek reka bentuk.</li> <li>• Mengalakkan penggunaan <i>root barrier</i> pada kawasan yang berdekatan dengan struktur.</li> <li>• Pemilihan tanaman pokok jenis berakar banir perlu dielakkan.</li> <li>• Tanaman yang dicadangkan perlu mempunyai bentuk menarik, berakar tunjang, dahan tidak mudah patah, tidak berduri, tidak beracun dan penyelenggaraan yang sederhana.</li> </ul> </li> </ul>
<b>Jarak Tanaman</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Jarak penanaman di kawasan berstruktur adalah bergantung kepada kesesuaian reka bentuk lanskap.</li> <li>b) Jarak tanaman hendaklah rapat bagi memaksimumkan fungsi teduhan selain berfungsi sebagai penampang bunyi, habuk dan bau.</li> </ul>

**Garis Panduan Landskap Kawasan Tanah Perkuburan**

	c) Jarak penanaman di pinggir jalan perlu mengambil kira jarak di antara utiliti dan kemudahan lain seperti: <ul style="list-style-type: none"><li>• Laluan akses pejalan kaki;</li><li>• Tiang lampu;</li><li>• Talian telefon;</li><li>• Saluran pembetungan, dan Lain-lain kemudahan.</li></ul>
--	--

### 3.2.2 Cadangan Tanaman Pokok Teduhan



*Calophyllum inophyllum*



*Cananga odorata*



*Cinnamomum iners*



*Gardenia tubifera*



*Lagerstroemia speciosa*



*Michelia champaca*



*Millettia pinnata*



*Mimusops elengi*



*Peltophorum pterocarpum*

Gambar 1 : Cadangan tanaman pokok utama.

Sumber : JPBW

### 3.2.3 Cadangan Tanaman Pokok Renek



Gambar 2 : Cadangan tanaman pokok utama.

Sumber : JPBW

### 3.3 Penyediaan Komponen Lanskap Kejur

<b>Prinsip Reka Bentuk</b>	<p>a) Penggunaan elemen lanskap kejur adalah mengambil kira konsep kepercayaan agama masing-masing.</p> <p>b) Menggunakan bahan binaan yang tahan lama dan sesuai dengan keadaan cuaca dan persekitaran kawasan.</p> <p>c) Mengaplikasikan reka bentuk sejagat dan kemudahan-kemudahan OKU.</p> <p>d) Elemen lanskap kejur yang disediakan memberi keselesaan kepada pengguna.</p>
<b>Pencahayaan</b>	Lampu Jalan, Tonggak, Lampu Taman
<b>Komponen Sokongan</b>	Pintu Pagar, Laluan Masuk, Papan Tanda Arah, Pondok Rehat, Pondok Informasi, Laluan Pejalan Kaki, Kawasan Tempat Letak Kereta, Kerusi Taman, Tandas dan Tong Sampah.
<b>OKU</b>	Cecondong, Susur Tangan, <i>Guiding block</i> , Reka Bentuk Kerusi, Tempat Letak Kenderaan OKU.

### 3.4 Kategori kawasan perkuburan

Berikut adalah merupakan reka bentuk yang diambil kira mengikut kategori:

<b>Jenis-Jenis Kawasan Perkuburan</b>	<b>Perancangan Ruang</b>
<p>a) Tanah Perkuburan Islam dan Tanah Perkuburan Bukan Islam</p>	<p><b>a) Kawasan Tanah Perkuburan/Lot Perkuburan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan ruang adalah berdasarkan kepercayaan agama. Adalah disyorkan supaya disediakan ruang penanaman untuk tujuan estetika.</li> <li>• Terletak jauh dari kawasan sungai, saliran dan punca air yang lain bagi mengelakkkan pengaliran air dari perkuburan ke tempat-tempat tersebut. Dicadangkan untuk menyediakan zon pemisah antara tanah perkuburan dan punca air sekiranya perlu.</li> <li>• Kedudukan lot tanah perkuburan jenazah adalah diwajibkan mengadap kedudukan kiblat bagi kawasan tanah perkuburan Islam.</li> </ul>

- Jadual cadangan perancangan lot perkuburan

	Perkara	Islam dan Bukan Islam
1	Lot Kubur (Dewasa)	0.9m x 1.8m
2	Lot Kubur (Kanak-kanak)	0.9m x 0.5m

**b) Fungsi Penyediaan Ruang Penghijauan**

- Mewujudkan dan memaksimumkan *green linkages* atau *green lung* di perkaranan kawasan;

**d) Aksesibiliti**

- Menyediakan min. 2m lebar bagi laluan pejalan kaki.
- Mengambil kira aspek keselamatan, kemudahsampaian dan keselesaan semua golongan pengguna;
- Mengalakkan konsep *walkability community* dengan menyediakan laluan pejalan kaki;
- Laluan pejalan kaki perlu disediakan mengikut kecerunan yang bersesuaian untuk pejalan kaki OKU;
- Menyediakan lintasan pejalan kaki, penghadang jalan dan papan tanda piktogram.

**e) Topografi dan struktur tanah**

- Faktor keselamatan perlu dipertimbangkan dalam merancang kesesuaian penempatan sesebuah tanah perkuburan.
- Mengelakkan topografi sedia ada untuk tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak.

**f) Identiti**

- Mewujudkan kawasan setempat yang beridentiti ringkas mengikut kesesuaian budaya dan agama serta teratur melalui penggunaan elemen lanskap lembut dan kejur;
- Reka bentuk tanaman yang mewujudkan "sense of place" kepada pengunjung

**g) Reka bentuk/Kemudahan sokongan**

- Menyediakan kemudahan yang bersesuaian dengan konsep kawasan tanah perkuburan.


**h) Kriteria tanaman**

- Ruang di kawasan perkuburan :
  - i) Laluan Pintu Masuk dan Kawasan Menunggu/Berhimpun,
    - Penanaman dari jenis tanaman berbunga, berbau harum, silara rendang, batang tidak berduri dan tidak mudah patah serta berakar tunjang
  - ii) Laluan Pejalan Kaki
    - Pemilihan tanaman adalah dari jenis tanaman yang berakar tunjang dan tidak mempunyai akar menjalar, tidak berduri atau beracun, dahan tidak mudah patah dan berfungsi sebagai pokok teduhan.
    - Pemilihan pokok renek haruslah dipelbagaikan dari segi bentuk, bau dan warna menarik serta sentiasa mesra kepada pengguna terutamanya kepada orang kurang upaya (OKU)
  - iii) Kawasan Lot Kubur
    - Pemilihan tanaman adalah daripada tanaman jenis penutup bumi bagi memberi kesan pemandangan yang seragam dan memudahkan penyelenggaraan.
  - iv) Cadangan tanaman Rujuk gambar rajah 1 dan 2.

**Garis Panduan Lanskap Kawasan Tanah Perkuburan**

Gambar rajah 3: Contoh reka bentuk landskap bagi kawasan Tanah perkuburan yang jenis teratur

Sumber : JPBW




Gambar rajah 4: Contoh keratan rentas untuk tanah perkuburan yang tersusun

Sumber : JPBW

Jenis-Jenis Kawasan Perkuburan	Perancangan Ruang
<p><b>b) Kolumbarium /Krematorium</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keperluan Ruang Penghijauan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan kawasan lapang/kawasan hijau bagi tujuan perlandskapan di sekitar kawasan pembangunan</li> </ul> </li> <li>• <b>Fungsi Penyediaan Ruang Penghijauan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan dan memaksimumkan <i>green linkages</i> atau <i>green lung</i> di perkarangan kawasan;</li> </ul> </li> </ul> <p><b>d) Aksesibiliti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan min. 1.2m lebar bagi laluan pejalan kaki.</li> <li>• Memberi penekanan terhadap aspek keselamatan, kemudahsampaian dan keselesaan semua golongan pengguna;</li> <li>• Mengalakkan konsep <i>walkability community</i> dengan menyediakan laluan pejalan kaki;</li> <li>• Laluan pejalan kaki perlu disediakan mengikut kecerunan yang bersesuaian untuk pejalan kaki OKU;</li> <li>• Menyediakan lintasan pejalan kaki, penghadang jalan, <i>CCTV</i> dan papan tanda pikrogram.</li> </ul> <p><b>e) Topografi dan struktur tanah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Faktor keselamatan perlu dipertimbangkan dalam merancang kesesuaian penempatan sesebuah tanah perkuburan.</li> </ul> <p>Tanah perkuburan tidak sesuai ditempatkan di kawasan seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kawasan banjir dan tanah runtuh;</li> <li>- Kawasan yang kerap diancam hakisan seperti sungai dan laut</li> <li>- Tanah paya dan jenis liat</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan pagar keselamatan serta <i>retaining wall</i> di kawasan bercerun sekiranya perlu.</li> </ul> <p><b>f) Identiti</b></p>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan kawasan setempat yang beridentiti ringkas mengikut kesesuaian budaya dan agama serta teratur melalui penggunaan elemen lanskap lembut dan kejur;</li> </ul> <p><b>g) Reka bentuk/Kemudahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan kemudahan yang bersesuaian dengan konsep kawasan perkuburan.</li> </ul> <p><b>h) Kriteria tanaman</b></p> <p>i) Ruang di kawasan perkuburan :</p> <p>Laluan Pintu Masuk dan Kawasan Menunggu/Berhimpun,</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penanaman dari jenis tanaman berbunga, berbau harum, silara rendang, batang tidak berduri dan tidak mudah patah serta berakar tunjang</li> </ul> <p>ii) Laluan Pejalan Kaki</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemilihan tanaman adalah dari jenis tanaman yang berakar tunjang dan tidak mempunyai akar menjalar, tidak berduri atau beracun, dahan tidak mudah patah dan berfungsi sebagai pokok teduhan.</li> <li>- Pemilihan pokok renek haruslah dipelbagaikan dari segi bentuk, bau dan warna menarik serta sentiasa mesra kepada pengguna terutamanya kepada orang kurang upaya (OKU)</li> </ul> <p>iii) Cadangan tanaman Rujuk gambar rajah 1 dan 2</p>
--	--



Gambar rajah 5: Contoh keratan rentas untuk tanah perkuburan yang tersusun

Sumber : JPBW

Garis Panduan Landskap Kawasan Tanah Perkuburan



Gambar rajah 6: Contoh keratan rentas untuk tanah perkuburan yang tersusun

Sumber : JPBW

## Glosari

<i>Sense of place</i>	Memberikan perasaan yang gembira dan selesa kepada pengunjung ke suatu tempat.
Akar banir	<i>Buttress root</i>
Landscape Kejur	Komponen landscape yang terdiri dari struktur binaan termasuk kerja-kerja tanah, elemen air pancuran, pondok rehat, titian, tempat duduk, turapan, dekorasi atau perabot taman, struktur seni, monumen, sistem pengairan dan pencahayaan dan lain-lain.
Landscape Lembut	Komponen landscape yang terdiri dari tumbuhan seperti pokok, palma, renek, tumbuhan memanjang atau menjalar dan penutup bumi.
Natif	Dikenali sebagai pokok tempatan, asli, atau tumbuhan endemik di Sabah. Bersifat tropika, yang sesuai tumbuh di hutan hujan tropika.

**RUJUKAN :**

1. Town and Country Planning Ordinance. *SABAH Cap 141 (Amendment 2002)*
2. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah (2014) *Pelan Struktur Sabah 2033*
3. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah (2019) *Planning Standards Manual*
4. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah (2019) *Piawaian Perancangan Landskap Negeri Sabah (PPPLNS)*
5. Jabatan Landskap Negara (2008) *Garis Panduan Landskap Negara Edisi 2*
6. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (1997) *GP: Perancangan Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam*

**PENGHARGAAN****URUS SETIA****Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah**

Bahagian Landskap

Bahagian Kawalan Pembangunan

Bahagian Perancangan Fizikal

Bahagian Penyelidikan &amp; Korporat

Unit Pembangunan Sumber Manusia (Latihan &amp; Dasar)

Unit Keurusetiaan Lembaga Pusat Perancang Bandar &amp; Desa

**AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL****Pihak Berkuasa Tempatan**

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Majlis Perbandaran Sandakan

Majlis Perbandaran Tawau

Lembaga Bandaran Kudat

Majlis Daerah Penampang

Majlis Daerah Putatan

Majlis Daerah Papar

Majlis Daerah Beaufort

Majlis Daerah Kota Marudu

Majlis Daerah Pitas

Majlis Daerah Kota Belud

Majlis Daerah Tuaran

Majlis Daerah Lahad Datu

Majlis Daerah Kinabatangan

Majlis Daerah Tambunan

Majlis Daerah Ranau

Majlis Daerah Keningau

Majlis Daerah Kuala Penyu

Majlis Daerah Kunak

Majlis Daerah Sipitang

Majlis Daerah Tenom

Majlis Daerah Beluran

Majlis Daerah Nabawan

Majlis Daerah Semporna

Majlis Daerah Tongod

Majlis Daerah Telupid

**Agensi Teknikal**

Jabatan Tanah Ukur Negeri Sabah (JTU)

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

Jabatan Kerja Raya (JKR)

Jabatan Air (JA)

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM)

**Badan Bukan Kerajaan**

Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM)

Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)



GP 022/2020



Alamat Perhubungan:

Bahagian Landskap,

Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah

Tingkat 10 & 11, Blok A, Wisma Tun Fuad Stephens, 88646 Kota Kinabalu, Sabah .

Tel : 088-201 334 / 088-201 374 / 088-201 384

Faks : 088-201 341